

Sesudah IMP berdiri perkara merdeka heboh dicakapkan dan banyak orang-orang yang berjiwa merdeka mahu lekas-lekas merdeka lalu menunjukkan “budi baik” kerjasama dengan orang-orang dagang itu. Sebahagian tok-tok lebai yang telah merasa sejuk dan sedap duduk di kerusi Majlis Undangan Persekutuan Tanah Melayu telah merasa sayang lalu menyatakan menyokong Parti Merdeka itu. Siapakah orangnya, kita rasa tidak payah disebut sebab di dalam tempat itu ada dua lebai atau haji yang suka taklid buta dan kerana kesedapan duduk atau kerana sayangkan kerusi itu lupa atau tak nampak ataupun terlupa kepada hadis-hadis Nabi yang menegah kepada kebangsaan dan kepada tegahan al-Quran yang maksudnya – Hai Nabi bertaqwalah kepada Allah dan janganlah mengikut orang-orang kafir dan orang-orang munafik.

-----*-----*-----

Siapa yang tak mahu merdeka tentu bacul tetapi kalau merdeka itu menjahanamkan kita dan menguntungkan orang sebahagian orang tentu berfikir lebih dahulu dan sesiapa yang membabi buta begitu sudah tentu akan sesat jalan – tak percaya lihat kesudahannya nanti – contoh tak payah diberi.

-----*-----*-----

Tuan Haji Ahmad Fuad Ahli Mesyuarat Federal dan Penaja Pertubuhan Ulama serta seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung UMNO nampaknya mengikut siaran akhbar beserta Tuan Haji Rajab telah membuka tembelangnya menyatakan seratus percent sokong IMP – *la hawla wala quwwata illa biLlah*. Mengapa? Kita fikir sudah sedap atau sayang kerusi lembut di Federal - tidakkah begitu? Beginilah nampaknya kalau sudah rasa sedap lalu lupa kepada amaran-amaran Allah dan Rasul-Nya dan sesiapa daripada orang yang mengetahui sedemikian itu sudah tetap akan celaka kemudian hari – percayalah kalau mahu percaya.

-----*-----*-----

Dengan perdiriannya Tuan Haji Ahmad Fuad begitu lebih

baik jangan campur sama ulama kerana orang ramai mengharap bahawa Majlis Ulama itu ditubuhkan dengan mengadakan parti disiplin bukannya pertubuhan hanya untuk membincangkan kata qil ini dan kata qil itu tetapi ia hendaklah ditaja semata-mata untuk maslahat agama. Dengan ini Tuan Haji ini patut ditanya atas dua soal. Berkhidmat kepada agamakah atau berkhidmat kepada kesedapan kerusi sahaja? Kalau orang yang seumpamanya sudah mengutamakan yang lain daripada agama lebih baik jangan pakai title agama lagi habis perkara.

-----*-----*-----

Onn sudah bilang – tatkala mahu dirikan IMP ia tidak peduli kena hamun dan nista daripada bangsanya – itu betul kalau orang mahu jalan terus tetapi apa mahu bilang kalau satu orang sudah mengaku redha dinista oleh bangsanya?

-----*-----*-----



KOPI PAHIT

Lagi satu untuk menarik perhatian ramai ia berkata: “Saya berserah kepada Tuhan!” Kalau orang Islam berserah kepada Tuhan biasanya ialah

orang yang mendengar tegahan dan perintah Allah sedang kebangsaan yang ditaja olehnya itu adalah ditegah dengan terang oleh Allah dan Rasul-Nya dan kalau tak percaya dengan nas tegahan ini sila haji-haji pengikutnya yang telah duduk kesejukan di kerusi yang lembut di Federal itu membuka hujah – kita bila-bila menunggu.

-----*-----*-----

Di dalam keadaan yang keruh tentang perdirian yang semacam ini maka telah biasa terjadi juga di dalamnya banyak orang yang suka mengambil peluang. Apa peluang itu?! Tentu ada banyak jenisnya – peluang cari nama, peluang bermuka-muka dan sebagainya tetapi yang utama sekali ialah peluang cari “Harimau”, kalau tak percaya cuba semak – Cemeti al-Farouk.